

13 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR

LIBERALISASI TIDAK TERKAWAL BOLEH LEMAHKAN APEC, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengingatkan Apec terhadap liberalisasi yang tidak dikawal, kerana ia boleh melemahkan lagi ekonomi yang telah terjejas akibat krisis kewangan serantau.

Untuk mengelakkan kejadian seumpama itu, beliau berkata anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) harus dibenarkan membuka pasaran mereka bagi produk yang berasaskan keupayaan domestik dan tahap kemajuan ekonomi masing-masing.

"Ekonomi lemah tidak boleh memikul komitmen yang sama, untuk liberalisasi pasaran mereka, berbanding ekonomi yang kuat," katanya semasa merasmikan Pameran Perdagangan Apec Ketiga 1998 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata "dalam keadaan seumpama itu, tiada siapa yang akan mendapat kebaikan" itulah sebabnya "ekonomi yang lemah tidak boleh memikul komitmen yang sama untuk meliberalisasikan pasaran mereka, berbanding ekonomi kuat."

Liberalisasi harus mengambil kira ciri-ciri pembangunan khusus dan halangan bagi negara-negara yang mempunyai tahap pembangunan yang berbeza-beza, katanya.

"Dalam mengambil inisiatif liberalisasi, kita mesti bekerja ke arah situasi "menang-menang", yang mana semua mendapat manfaat daripada proses itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata adalah penting bagi pasaran eksport negara-negara yang terjejas untuk terus "dibuka" kepada produk yang datang dari negara-negara tersebut.

Ini memandangkan "terdapat aliran terhadap perlindungan, berikutan industri tempatan tidak lagi kompetitif, melobi atau mengenakan langkah-langkah bukan tarif dalam pelbagai bentuk."

Beliau berkata negara-negara mungkin terpaksa mengambil tindakan anti-longgokan, langkah-langkah timbal balas dan melindungi eksport dari Asia, yang mana dalam proses itu akan menjejaskan rancangan perdagangan bebas Apec.

Keupayaan yang berkurangan terhadap barangan dan perkhidmatan eksport dan import adalah nyata, ini berikutan kejatuhan 32.4 peratus import oleh Indonesia dalam suku tahun pertama, Malaysia (12.6 peratus) dan Filipina (4.3 peratus).

Beliau berkata pengurangan import berikutan kegawatan ekonomi, secara langsung juga memberi kesan kepada prestasi eksport Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

"Dianggarkan antara Januari dan Ogos tahun ini eksport Amerika Syarikat ke Asean berkurangan sebanyak 18.3 peratus, berbanding tempoh yang sama tahun lepas, manakala eksport Australia dan New Zealand ke Asean juga turut berkurangan.

Untuk mengelakkan kecenderungan mengadakan perlindungan, Dr Mahathir menyarankan ekonomi maju memberikan sokongan kepada ekonomi yang terjejas untuk memulihkan ekonomi mereka.

Dr Mahathir menyarankan lebih banyak usaha bersama di antara sektor swasta Apec, untuk meningkatkan dagangan dan pelaburan antara rantau, dengan menimbangkan keupayaan jangka panjang membina matlamat dan pelan tindakan, terutamanya dalam meningkatkan infrastruktur, kemahiran kakitangan dan membangunkan teknologi baru.

"Pertukaran dan perkongsian teknologi terutamanya antara ekonomi kurang

maju Apec harus dipertingkatkan, katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyuarakan kekesalan usaha pemulihan oleh ekonomi-ekonomi yang terjejas telah dilemahkan oleh "laporan negatif dan berat sebelah beberapa agensi penarafan kredit dan media."

Beliau berkata dengan laporan dan penilaian tidak tepat yang berterusan telah mendatangkan kerugian kepada pelanggan mereka, oleh itu para pelabur seharusnya datang ke negara-negara terbabit untuk melihat sendiri keadaan sebenar.

Beliau menasihatkan para pelabur berhati-hati dengan agensi-agensi penarafan seumpama itu, beliau juga berkata masyarakat perniagaan harus menilai keadaan ekonomi sesebuah negara secara objektif dan adil.

"Adalah wajar untuk mengingatkan tiada satu pun agensi-agensi penarafan itu atau media meramalkan krisis ekonomi yang berlaku sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata krisis itu yang pada mulanya dianggap sebagai masalah Asia, kini mengancam negara-negara lain di dunia seperti Amerika Latin, Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat.

"Malaysia percaya krisis ekonomi negara ini adalah sementara dan kita yakin komitmen kerajaan dan sektor swasta untuk memulihkan ekonomi, kita juga akan berusaha untuk meletakkan Malaysia dalam landasan yang betul untuk pemulihan," katanya.

Beliau juga menyarankan ahli perniagaan untuk menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan Apec seperti pengkalan data tarif perdagangan, data pelaburan dan aliran perkhidmatan, dan garis panduan pelaburan ekonomi Apec.

Perdana Menteri berkata Malaysia memberikan tekanan penting terhadap usaha pengukuhan ekonomi dan kerjasama teknikal, bagi menangani kepelbagaian dan tahap pembangunan anggota-anggota perkumpulan itu.

Membangunkan kemahiran dan penggunaan teknologi masa depan adalah dua keutamaan di bawah kegiatan kerjasama ekonomi dan teknikal.

Perdana Menteri berharap pameran itu, yang disertai oleh lebih 350 syarikat dari 21 ekonomi Apec akan dapat membantu meningkatkan kesedaran antara anggota, pentingnya teknologi berinovatif dan kemahiran bagi mengekalkan daya saing dalam pasaran eksport.

--BERNAMA

MR AAM RI